



E - BULETIN

# SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Bebas • Telus • Profesional

LAPORKAN RASUAH

**1-800-88-6000**



SPRM Bil 2/2017

ISSN : 1675 - 5170

JANGAN  
HULLUR HAWTIM SETTLE

Ikuti kami :



[www.macc.fm](http://www.macc.fm)



@SPRMCommunity



[facebook.com/SPRM](https://facebook.com/SPRM)



@SPRMMalaysia



[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



[flickr.com/photos/ourdifferentview](https://flickr.com/photos/ourdifferentview)



[www.ourdifferentview.com](http://www.ourdifferentview.com)



[youtube.com/user/ODVMACC](https://youtube.com/user/ODVMACC)

# KANDUNGAN

PENA PENGARANG	2
GERAH 3J.....	3,4,5
- Gelombang Revolusi GERAH bermula	
- SPRM lancar kempen 3J	
- Hampir 200 nelayan diminta memerangi jenayah	
rasuah dan salahguna kuasa menerusi GERAH	
- SPRM edar 800 bubur lambuk di sekitar Putrajaya	
KONTI MACC FM.....	6,7
BERITA DARI AKHBAR .....	8,9
LENSA .....	10,11
PENCEGAHAN (IBR) .....	12,13
ALL SPRM .....	14,15
PENDIDIKAN .....	17

## Pena Pengarang

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



Assalamualaikum WBT,  
Salam Sejahtera dan Salam Perangi Rasuah.

Pencegahan rasuah sememangnya memerlukan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan suasana serta persekitaran yang bebas serta kebal daripada gejala rasuah. Pihak SPRM pada 2017 telah memulakan misinya dalam meningkatkan serta meluaskan usaha memperkasakan pencegahan rasuah di seluruh negara. Usaha SPRM akan memperlihatkan keterlibatan semua pegawai SPRM dalam program-program khusus.

Antara usaha SPRM adalah pada 8 Mei lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad telah melancarkan visi Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan pelaksanaan program ini adalah selaras dengan slogan "SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuh" dengan matlamat mendekati dan memahami permasalahan rakyat sekaligus menimbulkan kegeruan dalam kalangan perasuh.

GERAH direalisasikan melalui misi kempen 3J (Jangan Hular, Jangan Kawtim, Jangan Settle) yang juga merupakan satu inisiatif baharu SPRM yang mengorak langkah permulaan bersama warga media dan wartawan dalam menyebarkan mesej kesedaran anti rasuah agar rakyat tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dan salahguna kuasa berpandukan konsep 3J.

Edisi e-buletin SPRM kali ini juga memaparkan pelbagai usaha strategi pencegahan SPRM yang melibatkan sektor awam dan swasta dalam membangunkan lapisan masyarakat yang akan kental dalam menghindari rasuah dan salah guna kuasa. Antaranya adalah program Ikram Bebas Rasuah yang makin rancak dijalankan di seluruh negara.

Usaha-usaha sebegini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat Malaysia bersama SPRM mencegah rasuah. Sekiranya akar dan minda disuburi serta dipupuk dengan baja integriti, maka berdiri tegak, kuat dan megah masyarakat Malaysia.

Marilah kita bersama-sama berpegang teguh dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W, iaitu "pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka". Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Al-Mubarok 1438 Hijrah serta saya doakan agar semua warga SPRM mendapat kesihatan yang baik dan mampu menuai ibadah puasa dengan sempurna.

DATO' HAJI ABDUL SAMAT BIN KASAH

(Penasihat Eksekutif Editorial)



## GELOMBANG REVOLUSI GERAH BERMULA



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka titik lembaran Gerakan Revolusi Anti-Rasuah atau GERAH dalam memperkasakan perjuangan bagi mencapai matlamat dan agenda yang lebih besar selain meletakkan penanda aras baharu dalam perkhidmatannya.

Ia merupakan suatu manifestasi yang jelas dan lantang kepada sokongan untuk pergerakan revolusi bersama bagi mengubah minda dan pemikiran masyarakat secara global terhadap rasuah dan perlakuan salahguna kuasa.

"Revolusi GERAH akan terus bertindak keras terhadap pesalah-pesalah rasuah yang masih degil di luar sana dan Insha Allah, pada masa yang sama akan mencoret perubahan pantas terhadap pemikiran dan sokongan rakyat kepada perjuangan dan penentangan terhadap jenayah rasuah" kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad ketika Majlis Pelancaran GERAH yang berlangsung pada 8 Mei di Ibu Pejabat SPRM.

Tambah beliau lagi, seramai 2,000 orang pegawai SPRM akan turun padang secara serentak di seluruh negara bagi mendekati masyarakat secara bersemuka atau 'one to one' untuk menjadi agen penggerak revolusi GERAH.

Program ini akan diadakan serentak pada setiap bulan bagi mencetuskan perubahan drastik dalam kalangan masyarakat negara ini dengan meletakkan jenayah rasuah sebagai musuh nombor satu negara.





### **SPRM LANCAR KEMPEN 3J (JANGAN HULUR, JANGAN KAWTIM, JANGAN SETTLE)**

Sempena pelancaran program Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut melancarkan Kempen 3J, yang merujuk kepada 'Jangan hulur, jangan kawtim dan jangan settle' antara pemberi dan penerima rasuah.

Kempen 3J merupakan satu inisiatif baharu SPRM dalam mengorak langkah permulaan bersama pihak media untuk menyampaikan mesej kesedaran kepada rakyat agar mereka tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dan salahguna kuasa.

Kempen 3J bermatlamatkan untuk mengubah minda masyarakat agar terus membenci rasuah, sikap tidak menerima mahupun menawarkan rasuah dan bersama-sama memerangi rasuah berserta salahguna kuasa.

Kempen ini disebarluas kepada orang ramai dengan kerjasama agensi-agensi media dan dilancarkan di tiga lokasi berbeza.

Di Petaling Jaya, majlis pelancaran pertama berlangsung di Menara Star yang merupakan ibu pejabat Kumpulan Media Star. Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Media Star, Datuk Seri Wong Chun Wai.

Semasa berucap pada majlis berkenaan, beliau berkata pihaknya merasa amat berbesar hati untuk menjalin kerjasama

dengan SPRM kerana menurutnya isu rasuah adalah isu yang sangat serius.

Kempen 3J turut dilancarkan di ibu pejabat akhbar Sin Chew Daily di Petaling Jaya yang dihadiri kira-kira seramai 150 orang tetamu. Pada majlis berkenaan, Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk Ter Leong Yap



berkata ACCCIM sedia bekerjasama dengan SPRM untuk memerangi rasuah demi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan dan komuniti perniagaan terutamanya daripada kaum Cina.

Lokasi terakhir pelancaran Kempen 3J telah berlangsung di ibu pejabat akhbar Malaysia Nanban di pusat bandaraya dan menurut Pengarah Urusan Malaysia Nanban, Datuk Shafee Zaman Sikandar Batcha, usaha ini merupakan satu tanggungjawab pihaknya untuk bersama SPRM dalam melaksanakan Kempen 3J.

## HAMPIR 200 NELAYAN DIMINTA MEMERANGI JENAYAH RASUAH DAN SALAHGUNA KUASA MENERUSI GERAH



Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad pada 18 Mei lalu buat julung kalinya telah bertemu dengan hampir 200 nelayan di Kuala Terengganu dalam usaha SPRM untuk mendekati serta mendapatkan sokongan golongan nelayan dalam memerangi jenayah rasuah dan salahguna kuasa.

Sebagai golongan yang berusaha siang dan malam bagi mencari rezeki, Dzulkifli berjanji bahawa SPRM akan memastikan segala peruntukan yang disediakan oleh kerajaan disalurkan kepada golongan nelayan.

Justeru, beliau meminta semua nelayan di negeri tersebut untuk bersama

SPRM menghidupkan kempen 3J ( Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle ) dalam memerangi jenayah rasuah dan salahguna kuasa secara habis-habisan.

“Bantuan yang sepatutnya diterima oleh nelayan-nelayan tidak sampai kepada mereka, oleh yang demikian, saya meminta nelayan-nelayan tampil untuk memberi maklumat kepada SPRM berhubung individu-individu yang gagal menyampaikan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka,” ujar beliau.

Dzulkifli berkata SPRM akan memastikan individu-individu yang menyeleweng peruntukan kerajaan tersebut akan dibawa ke muka pengadilan.

## SPRM EDAR 800 BUBUR LAMBUK DI SEKITAR PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengagihkan sebanyak 800 bungkus bubur lambuk kepada masyarakat di sekitar Putrajaya pada 5 Jun lalu.

Agihan bubur lambuk diadakan di lima lokasi iaitu di Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, Hospital Putrajaya, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Bazar Ramadan Presint 3.

Aktiviti tersebut diadakan sempena Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) siri 2/2017 dan Ihya' Ramadhan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata semangat perjuangan kempen GERAH bulan lalu telah mendapat sokongan dan disahut dengan begitu meriah oleh pelbagai lapisan masyarakat.



APRIL 2017

Penyanyi popular tahun 1970an, Dato' Khadijah Ibrahim memberi sokongan kepada MACC.fm pada 5 April 2017 lalu dan beliau menyuarakan pendapat tentang isu rasuah yang berlaku dalam industri muzik tempatan.



Slot Ratu MACC.fm 17 April menampilkan Dira Abu Zahar, pelakon dan pengarah terkenal berkongsi pengalaman beliau sebagai anak seni dan turut mengupas isu rasuah dan integriti.

PPj Chin Chen Huat dari Bahagian Siasatan SPRM muncul di Slot Mandarin MACC.fm pada 19 April 2017 dan berkongsi berkait dengan pengalaman beliau dalam bidang siasatan sepanjang bertugas di SPRM.



Slot Virunthinar MACC.fm 20 April menampilkan Datuk Dr. A.T Kumararajah, Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) membincangkan adalah isu integriti di kalangan usahawan.

MEI 2017



Macc.fm 18 Mei menampilkan Ally Iskandar, pengacara dan penerbit terkenal berkongsi pengalaman kerjaya pahit manis serta mengupas isu rasuah dan integriti dalam industri media.

## RADIO STREAMING

Kumpulan muzik, Projector Band ke konti MACC.fm dalam rangka promosi single terbaru 'Aisyah'. Pemenang tempat ke-3 di Anugerah Juara Lagu yang ke- 31 turut memberi pendapat tentang rasuah yang berlaku dalam industri seni dan turut menyokong Kempen 3J.



## My Anti-Corruption Channel



Slot Selebriti MACC.fm disinari dengan penyanyi dan pengarah terkenal, Datuk Norman Abdul Halim, pada 26 Mei 2017. Baru sahaja menyambut ulang tahun KRU yang ke-25, beliau turut berkongsi berkenaan rasuah dan integriti serta menyuarakan sokongan ke atas usaha SPRM membasmi rasuah.

# Berita Dari AKHBAR

**TAN SRI REMANDED FOR 5 DAYS TO ASSIST IN MACC PROBE**  
**(THE STRAITS TIMES, 1 APRIL 2017)**

(NEW STRAITS TIMES, ...)

**PUTRAJAYA** - The magistrate's court here yesterday granted a Fiveday remand order for the detention of the prominent businessman who allegedly offered RM2 million to the Sultan of Johor for the ruler to recommend that certain people be awarded "Tan Sri" titles.

The order was granted when the 54 year old businessman, himself a Tan Sri was brought before magistrate Nik Isfahanie Tasnim Wan Abd Rahman by Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) officers.

The Klang based businessman arrived at the court at 9.30am, escorted by three MACC officers. Clad in orange MACC lockup attire and handcuffed, he was seen covering his face with his shirt and trying to avoid the press.

**BEKAS PEMAIN KEBANGSAAN DIREMAN TUJUH HARI**  
(MINGGUAN MALAYSIA, 16 APRIL 2017)

**PUTRAJAYA** - Seorang bekas pemain bola sepak kebangsaan ditahan reman selama tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana 2017 melibatkan pasukan Majlis Sukan India Malaysia Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA). Perintah reman tersebut dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnin Wan Ab. Rahman sehingga 21 April ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan lelaki itu disiasat di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009.

Mengakui kekerasan RMLAS  
yang dilakukan Sinta Dwiyo tidak  
berakibat berdampak lemah  
di Qatar dan

berikan dana bantuan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, mereka juga memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

"Saya juga memangga bapornya  
sekarang dan sekarang la  
akan menemui masa dua atau tiga  
taun lagi," katanya.

**PENI  
TER  
RMS**

**RASUAH SULTAN JOHOR**  
(IA, 8 APRIL 2017)

ang ahli perniagaan bergerak  
bahantu siapster kesiagaan

Ibrahim Sultan Iskandariah kebesaran dibeb

M50,000 berserta seoran likeluarkan oleh Majistrel

Rahman terhadap ah  
itu yang tiba di Mahkam

0 pagi dengan tangan ber

## **TAN SRI CUBA RASUAH SULTAN JOHOR BEBAS (UTUSAN MALAYSIA, 8 APRIL 2017)**

**PUTRAJAYA**- Seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri yang direman bagi membantu siasatan kes cubaan menyogok Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berhubung penganugerahan darjah kebesaran, dibebaskan hari ini dengan jaminan RM50,000 berserta seorang penjamin. Perintah tersebut dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab. Rahman terhadap ahli perniagaan berumur 54 tahun itu yang tiba di Mahkamah Majistret di sini pada pukul 9.20 pagi dengan tangan bergari dan baju T berwarna putih selain mukanya ditutup.

## JURUUKUR DIREMAN KES TUNTUTAN PALSU RM13J

(UTUSAN MALAYSIA, 8 APRIL 2017)

**PUTRAJAYA-** Mahkamah Majistret di sini membenarkan seorang juruukur bahan ditahan reman enam hari bermula hari ini berhubung siasatan ketuntutan palsu pembekalan geotube (penggalian) bagi projek pengindahan Sungai Melaka, Melaka. Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman terhadap lelaku berusia 48 tahun itu yang ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di rumahnya di Johor Bahru, semalam.

Lelaki berkenaan pernah berkhidmat di syarikat milik ahli perniagaan bergelar 'Tan Sri' yang direman enam hari sejak semalam setelah ditahan di rumahnya di Johor Bahru pada Rabu.

**5 KERETA MEWAH DISITA. AKAUN RM212,461 DIBEKU**  
(UTUSAN MALAYSIA, 15 APRIL 2017)

PUTRAJAYA - SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menyita lima buah kenderaan mewah milik Ketua Angkatan Muda PKR Ampang, Datuk Adam Rosly bagi membantu siasatan berhubung dakwaan pengubahan wang haram. Menurut sumber, pada masa sama SPRM turut membekukan sebanyak lapan akaun bank bermilai RM212,461 iaitu masing-masing empat milik Adam dan isterinya. "Kereta mewah jenis Toyota Vellfire, MercedesBenz C200, BMW 5 Series, Mini Cooper dan Audi A6 itu dirampas di rumahnya di Ampang. Semua kereta mewah ini akan disita sehingga selesai siasatan dibuat," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di situ.

# Berita Dari AKHBAR

## FAM MAHU LIGA M BERSIH DARIPADA GEJALA RASUAH

JOHOR BAHRU - Semua Ahli EXCO Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), pegawai, pemain serta pengadil yang terbabit dalam Liga Malaysia (Liga M) akan dipantau oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perkara itu didebak oleh Presiden FAM, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang tampak begitu serius untuk membanteras gejala rasuah daripada terus menular dalam sukan bola sepak negara. Tunku Ismail berkata, FAM bekerjasama dengan SPM untuk menjalankan pemantauan dengan lebih rapi dalam usaha membanteras gejala tidak sihat itu.

"Maklumat yang saya terima amat menyedihkan apabila kegiatan mengatur perlawanan dalam bola sepak negara masih lagi aktif. Menjadi keutamaan kita untuk membanteras gejala ini. "Kita akan membuka pintu seluas-luasnya kepada SPM untuk menjalankan siasatan berhubung perkara ini. Malah, saya juga meminta SPM meletakkan beberapa pegawai mereka untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Integriti FAM.

## 2 BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK DIDAKWA TAWAR RASUAH

(BERITA HARIAN, 29 APRIL 2017)

PUTRAJAYA - Dua bekas pemain bola sepak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, terhadap pertuduhan menawarkan suapan kepada pemain kelab Majlis Sukan India Malaysia Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA), bulan lalu. Khairul Anuar Baharum, 43, atau lebih dikenali sebagai Ah Chong dan G Prem Kumar, 49, membuat pengakuan itu selepas jurubahasa membacakan dua pertuduhan di hadapan Hakim Fathiyah Idris.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menawarkan suapan, masing-masing RM10,000 kepada dua pemain MISC-MIFA, Mohd Khairul Izzwan Shaari dan S Harivarman bagi mengatur perlawanan supaya MISC-MIFA tewas 0-2 ketika menentang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) pada 7 April lalu.

## KHAIRUL ANUAR DIBEBAS

(Berita Harian, 12 April 2017)

PUTRAJAYA - Bekas pemain bola sepak kebangsaan, Khairul Anuar Baharum atau 'Ah Chong' dibebaskan, semalam, selepas direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana 2017.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman lepaskan lelaki berusia 43 tahun itu dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM50,000 dan tiga penjamin.

## TIGA LELAKI DISYAKI BERT RASUAH KAKITANGAN MYEG DIREMAN

(UTUSAN MALAYSIA, 29 APRIL 2017)

IPOH - Tiga lelaki termasuk seorang warga Pakistan direman enam hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes pemberian rasuah kepada kakitangan MyEG Services Berhad (MyEG) berhubung pembaharuan permit pekerja asing. Perintah reman sehingga 3 Mei ini terhadap kesemua suspek yang berusia antara 46 dan 57 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret di sini, Puteri Nordina Kamalaudin.

Mereka ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. Ketiga-tiga suspek yang diwakili peguam Gurbachan Singh, dipercayai memberi rasuah kepada kakitangan MyEG sewaktu melakukan urusan pembaharuan permit pekerja asing tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan.

## LELAKI DITAHAN BERSAMA WANG SUAPAN

(BERITA HARIAN, 1 JUN 2017)

KUALA LUMPUR - Seorang penolong pengurus di jabatan bersama wang suapan RM20,000 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, malam kelmarin.

kira RM70,000 kononnya sebagai habuan, bagi menyelesaikan kikes membabitkan seorang kenamaan yang dikatakan dalam siasatan SPM.

Dia memaklumkan, kononnya mempunyai kenalan dalam SPM yang boleh membantu kenamaan itu menyelesaikan kes terbabit. Sumber berkata, suspek ditahan kira-kira jam 9.30 ketika berada di sebuah hotel di ibu kota, bersama wang tunai yang dipercayai sebahagian daripada suapan yang diminta. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Dato' Azam Bakri, berkata pihaknya memandang serius kes berkenaan.

# LENSA



**Karnival WOW**  
19 MAC 2017



# LENSA



## PROGRAM ZIARAH KASIH KELANTAN

18 & 19 FEBRUARI 2017





## SENARAI IKRAR BEBAS RASUAH SEPANJANG APRIL HINGGA JUN 2017

1)	Persatuan Bola Sepak Perak (PAFA), 5 April 2017
2)	Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), 17 April 2017
3)	Pemimpin badan sukan kebangsaan, 18 April 2017
4)	Kementerian Kesihatan Malaysia, 11 Mei 2017
5)	Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang, 11 Mei 2017
6)	Universiti Malaysia Sarawak, 12 Mei 2017
7)	Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA), 13 Mei 2017
8)	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), 15 Mei 2017
9)	Kontena Nasional Berhad Pahang, 15 Mei 2017
10)	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 16 Mei 2017
11)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), 16 Mei 2017
12)	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), 17 Mei 2017
13)	MYEG Services Berhad Cawangan Pulau Pinang, 22 Mei 2017
14)	Jabatan Agama Islam Negeri Kedah (JAINK), 23 Mei 2017
15)	Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA), 23 Mei 2017
16)	Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), 23 Mei 2017
17)	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang, 23 Mei 2017
18)	Kementerian Sumber Manusia, 24 Mei 2017
19)	Lembaga Tabung Haji (TH), 30 Mei 2017
20)	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), 7 Jun 2017
21)	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu (JKSNT), 8 Jun 2017
22)	Majlis Bandaraya Miri (MBM), 8 Jun 2017
23)	Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN), 8 Jun 2017
24)	Universiti Teknologi Mara (UiTM) (IPTA Selangor), 9 Jun 2017
25)	Petronas, 13 Jun 2017
26)	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT), 13 Jun 2017
27)	Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), 14 Jun 2017
28)	Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan, 16 Jun 2017
29)	Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (JKNWP), 16 Jun 2017
30)	Malakoff Corporation Berhad, 20 Jun 2017
31)	Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), 20 Jun 2017
32)	Koperasi Co-Opbank Persatuan Malaysia Berhad, 20 Jun 2017
33)	Jabatan Perikanan Malaysia WP Labuan, 20 Jun 2017
34)	Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang, 21 Jun 2017
35)	Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan Hj. Yaakob, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Exco Pahang, 21 Jun 2017
36)	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), 21 Jun 2017
37)	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Rembau, 21 Jun 2017
38)	Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, 22 Jun 2017
39)	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Papar Negeri Sabah, 22 Jun 2017

## PEGAWAI CEIO TONGGAK INTEGRITI TAMADUN BANGSA

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) memikul peranan yang besar dalam menjadi tonggak dan pemangkin kepada pembinaan tamadun bangsa yang bersandarkan kepada kekuatan integriti.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata Pegawai CeIO bertindak sebagai ejen perubahan dan pakar rujuk integriti bagi organisasi, malah dapat menjadi pelengkap dalam usaha memperkasakan integriti iaitu memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Tambah beliau, program CeIO ini juga telah berjaya menyemat dalam menyampaikan wadah perjuangan SPRM untuk mencegah dan membanteras rasuah dan salah guna kuasa kepada masyarakat.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Konvokesyen CeIO kali ke 6 di Pusat Strategik dan Latihan Berterusan (IIUM) yang melihat seramai 175 peserta CeIO pada tahun 2016 menerima petaulahan ini termasuk Program CeIO Swasta yang julung kali diperkenalkan.

## SPRM TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN JPJ



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebagai usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa di jabatan berkenaan pada 15 Mei lalu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil semasa berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara SPRM dengan JPJ, Pelancaran 'No Gift Policy' dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) berkata langkah itu merupakan inisiatif yang dapat menzhirkkan komitmen pengurusan tertinggi JPJ dalam menyokong usaha-usaha pencegahan rasuah dan memastikan JPJ menjadi organisasi yang diyakini dan dipandang tinggi oleh masyarakat sebagai agensi yang bersih serta bebas rasuah dan salah guna kuasa.

MoU tersebut ditandatangani oleh Dato' Shamshun Baharin mewakili SPRM dan Ketua Pengarah JPJ, Dato' Seri Nadzri Siron mewakili JPJ.

## MALAYSIA TUAN RUMAH FORUM ACA KE-8

Malaysia menerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menganjurkan Forum Anti-Corruption Agency (ACA) Ke-8 bermula 24 Mei sehingga 25 Mei yang antara lain menjadi platform kepada agensi-agensi anti rasuah untuk berdialog dan menjalin kerjasama dalam memerangi rasuah di rantau Asia-Pasifik.

Forum dwi tahun itu bertemakan "Peranan Masyarakat Memerangi Rasuah" dan dihadiri oleh kira-kira 50 peserta dan pemerhati mewakili enam agensi negara anggota.

Semasa berucap merasmikan forum tersebut, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad telah menyatakan berkenaan kepentingan usaha bersama antara agensi anti rasuah dalam menangani masalah rasuah dan salahguna kuasa yang berlaku di rantau ini.

Beliau berkata, tema yang dipilih untuk forum kali ini amat bertepatan dan para peserta diharap akan dapat membincangkan bagaimana untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam usaha agensi-agensi anti rasuah untuk membanteras rasuah dan salahguna kuasa di negara masing-masing.

Antara negara yang terlibat dalam forum ini ialah Malaysia yang diwakili oleh SPRM, Indonesia diwakili Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Korea diwakili Anti-Corruption and Civil Rights Commission (ACCRC), Taiwan diwakili Agency Against Corruption (AAC), Brunei diwakili Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Singapura yang diwakili Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB).

Forum edisi ke-8 ini merupakan penganjuran kali kedua oleh SPRM setelah menjadi tuan rumah untuk forum edisi ke-2 di Kuala Lumpur pada tahun 2014.

# ALL SPRM ▶

## PROGRAM ZIARAH KASIH SPRM DISAMBUT MERIAH



Program Ziarah Kasih Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mendapat sambutan yang begitu meriah daripada masyarakat di Kuala Krai pada 21 Mei lalu.

Selain mengadakan kenduri bersama rakyat, Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Dzulkifli Ahmad turut mengagihkan lebih 2,000 sumbangan barang dapur kepada penduduk kampung.

Datuk Dzulkifli berkata, program ini merupakan platform untuk SPM mendekati masyarakat setempat dan memberi peluang kepada SPM bersama masyarakat untuk memerangi jenayah rasuah dan salahguna kuasa. "Program ini adalah tanda keprihatinan SPM kepada masyarakat yang memerlukan dan SPM ingin meraih sokongan masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan rasuah dan penyelewengan.

"Kita mahu rakyat berani untuk menolak rasuah dan menyalurkan maklumat kepada SPM untuk diambil tindakan," ujar beliau.

Tambah beliau, sesiapa sahaja yang terlibat dengan rasuah dan penyelewengan tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Terdahulu, program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat di Manek Urai. Keceriaan turut dirasai ketika Datuk Dzulkifli turut menyertai beberapa sukan rakyat dan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Manek Urai bersama penduduk kampung.

Sorakan para pengunjung dalam sukan rakyat mencerminkan semangat kesukanan dan perpaduan yang terjalin antara masyarakat dan SPM. Sementara itu, kaum wanita juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai pertandingan memasak kuih tradisional dan membuat gubahan mengikut kreativiti masing-masing.

Jalinan kerjasama antara penduduk kampung menunjukkan sokongan padu masyarakat bersama SPM dalam memerangi jenayah rasuah.

## IHYA' RAMADHAN ERATKAN SILATURAHIM SPRM DAN MASYARAKAT



Program Ihya' Ramadhan telah mengeratkan silaturahim antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan masyarakat di Kepala Batas pada 10 Jun lalu.

Program yang menghidupkan Ramadhan dengan pelbagai aktiviti berfaedah adalah anjuran bersama SPM dan Masjid Al-Jamiul Badawi.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti gotong-royong memasak dan mengagih bubur lambuk, tahlil,

majlis berbuka puasa, tadarus al-Quran, Qiamulail, solat berjemaah serta kuliah subuh.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata program sebegini dapat membina dan mengeratkan hubungan antara SPM dengan masyarakat. Beliau juga mahu SPM dilihat sebagai satu agensi yang membela dan memastikan hak-hak masyarakat terjamin dari belenggu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

## SAHABAT SPRM KEMPEN TERBAHARU DEKATI MASYARAKAT



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melancarkan kempen Sahabat SPRM, yang merupakan inisiatif terbaru untuk mendekati masyarakat bagi menggalakkan mereka untuk bersama SPRM dalam membantu usaha-usaha memerangi jenayah rasuah dan salahguna kuasa pada 17 Jun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata kempen ini merupakan manifestasi kepada slogan "Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah."

Dengan adanya kempen Sahabat SPRM, masyarakat diharap akan lebih mudah mendekati SPRM dan pegawai-pegawaiannya sekaligus menjadi mata dan telinga Suruhanjaya ini dengan menyalurkan maklumat dan melaporkan sebarang aktiviti rasuah di sekeliling mereka.

Kempen itu diadakan dengan kerjasama Berjaya Corporation Berhad yang merupakan syarikat korporat pertama memberikan komitmen terhadap usaha SPRM dan melalui kempen tersebut, mesej-

mesej anti rasuah akan dipamerkan di 2,250 rangkaian premis kedai serbaneka 7-Eleven (7E) di seluruh negara yang dikendalikan oleh salah sebuah anak syarikat milik Berjaya Corporation Berhad.

Selepas majlis pelancaran tersebut, Datuk Dzulkifli turut berkesempatan menyertai pegawai dan kakitangan dari Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS) untuk mengagihkan sebanyak 300 bungkus kuih raya, patung 'Buncit Bear 7E' dan pelekat GERAH kepada para pengunjung kompleks beli-belah Berjaya Times Square



## RTM TERIMA KUNJUNGAN SPRM



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai Ketua Pesuruhjaya, Datuk Dzulkifli Ahmad telah melawat Ibu Pejabat Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Angkasapuri pada 15 Jun lalu.

Lawatan tersebut bertujuan untuk menyertai rakaman Takbir Hari Raya SPRM terbitan bersama RTM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk disiarkan di TV1.

Laungan takbir semasa sesi rakaman dipimpin sendiri oleh Datuk Dzulkifli dan disertai oleh Timbalan

Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Haji Azam Bakri, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil, Pengarah-pengarah Bahagian dan Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian.

Selain itu, Datuk Dzulkifli turut berkesempatan untuk meluangkan masa melawat Bilik Berita RTM selain meraikan seramai 150 orang warga RTM dalam satu majlis berbuka puasa.

# ALL SPRM ▶

## SPRM KOMITED JAGA KEBAJIKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menubuhkan Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Berhad (KOSPERA) dan Yayasan Prihatin Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebagai tanda keprihatinan terhadap warga SPRM.

Seramai 150 pegawai dan kakitangan SPRM telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Penubuhan KOSPERA adalah bertujuan bagi menjaga kebajikan pegawai dan kakitangan SPRM serta pesara dan bekas kakitangan yang pernah berkhidmat dengan BPR/SPRM khususnya dalam usaha meningkatkan

sosioekonomi dan mengurangkan kos sara hidup. Manakala penubuhan Yayasan Prihatin Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia adalah untuk memberi pengiktirafan, meraikan dan membantu masyarakat, anggota serta keluarga anggota dan sebagai tanda penghargaan kepada masyarakat yang menyokong SPRM dalam memerangi rasuah.

Perasmian KOSPERA dan Mesyuarat Agung Pertama Yayasan Prihatin SPRM telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad.

# KOSPERA

کوپراسي سوروهنجاي فنچکهن رسواه مليسيا برحد

### VISI

Menjadikan sebuah koperasi yang terbaik dan unggul dalam memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada anggota.

### MISI

Meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota dengan kualiti perkhidmatan yang terbaik

### OBJKTIF KOSPERA

- |    |  |
|----|--|
| 01 | MENINGKATKAN TARAF SOSIO EKONOMI ANGGOTA                     |
| 02 | MENJAGA KEPENTINGAN DAN KEBAJIKAN ANGGOTA                    |
| 03 | MEMPERKASA BUDAYA SALING MEMBANTU                            |
| 04 | MEMASTIKAN PENGURUSAN YANG EFISIEN, BERHEMAH DAN TELUS       |
| 05 | MENJAMIN PULANGAN YANG BAIK KE ATAS MODAL SAHAM YANG DILABUR |

## **PENDIDIKAN**

### **PROGRAM WAR MERIAH DI MRSM PASIR TUMBOH**



Pada 26 April lalu, telah berlangsung Program Wira Anti Rasuah bersama pelajar, guru-guru dan pentadbir sekolah di Maktab Rendah Sains Mara Pasir Tumboh, Kelantan.

Seramai 400 orang pelajar Tingkatan Satu hingga Lima dan 50 guru serta pentadbir sekolah terlibat dalam program tersebut.

Sepanjang program tersebut berlangsung, mereka diberi pendedahan awal tentang aspek integriti dan rasuah serta pengenalan kepada peranan dan fungsi SPRM.

Taklimat bagi sesi pelajar disampaikan oleh P/Ps Augustine S. Manson @ David manakala sesi bersama guru dan pentadbir sekolah pula disampaikan oleh P/ PkPJ Siti Zakiah Che Man.

Selain mendengar taklimat, para pelajar juga diuji melalui soalan-soalan kuiz serta diberi peluang untuk menyampaikan persembahan seperti Dikir Barat, Sketsa Pendek, Pantomin serta nyanyian berunsurkan anti rasuah.



### **MAHASISWA SOKONG PERJUANGAN SPRM**

Golongan mahasiswa menyokong dan mendukung perjuangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menentang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata mahasiswa adalah agen perubahan kepada perjuangan memerangi jenayah rasuah bersama SPRM.

"Golongan mahasiswa merupakan pelopor kepada suatu keban kitian perjuangan dalam memerangi rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun serta menyeluruh di seluruh negara", ujar beliau.

Tambah beliau golongan ini merupakan cermin kepada hala tuju masa depan negara dan menjadi penggerak kepada arus perdana dalam perubahan masyarakat masa kini.

Beliau berkata demikian dalam ucaptamanya sempena Seminar Graduan Holistik yang diadakan di Akademi Koreksional Malaysia di Langkawi pada 6 Mei lalu.

Seminar yang bertemakan 'Integriti Pemacu Graduan Holistik' ini merupakan inisiatif SPRM kepada usaha-usaha mencegah rasuah dalam kalangan mahasiswa di peringkat pengajian tinggi.

Program ini diadakan berikutan hasil kajian SPRM yang mendapati sebanyak 18.2% pelajar bersedia memberi rasuah agar mereka tidak dikenakan tindakan, berbanding 17.4% pada tahun 2015.

Seramai 200 anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari beberapa universiti seluruh negara mengambil bahagian dalam seminar yang dianjurkan bersama Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) SPRM, Universiti Malaysia Perlis, dan Kementerian Pendidikan Tinggi.



## SKIM CEPAT KAYA: LEGASI CHARLES PONZI (BAHAGIAN DUA)


Oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

### Legasi Charles Ponzi 1: Bernard Madoff

Bernard Lawrence 'Bernie' Madoff dianggap legenda dunia dalam penjenayahannya. Bernard Madoff dilahirkan pada 29 April 1938 di Queens, New York. Madoff memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Politik daripada Hofstra University. Pada 1960, Madoff memulakan firma pelaburannya iaitu Bernard L. Madoff Investment Securities, dengan modal \$55,000.

Syarikat milik Madoff menawarkan pelan pelaburan yang boleh dipercayai. Kredibiliti syarikat beliau berjaya menarik selebriti terkenal seperti Steven Spielberg, Kevin Bacon dan Kyra Sedgwick. Madoff pernah memegang jawatan pengurus National Association of Securities Dealers Automated Quotation (NASDAQ).

Penglibatan Madoff dalam Skim Ponzi terbongkar sekitar bulan Ogos 2008. Beberapa pelaburnya memaklumkan kepada anak Madoff mengenai rancangan Madoff untuk memberikan bonus awal berjumlah jutaan dolar. Mereka mula mempersoalkan sumber wang tersebut.



Bernard Madoff

Pada 10 Disember 2008, anak Madoff membuat laporan kepada penguat kuasa undang-undang. Madoff ditangkap pada keesokan harinya dan didakwa atas pelbagai jenayah penipuan. Semasa ditangkap, sebanyak \$65 bilion berada dalam akaunnya. Madoff mengaku bahawa salah satu anak syarikatnya menjalankan Skim Ponzi secara besar-besaran.

Pada 12 Mac 2009, Madoff yang ketika itu berusia 71 tahun, mengaku bersalah atas 11 pertuduhan. Pada 29 Jun 2009, Madoff dijatuhan hukuman penjaranya selama 150 tahun. Madoff dihantar ke Butner Federal Correction Complex di North Carolina untuk menjalani hukuman. Beliau juga dikehendaki membayar balik \$170 bilion kepada pelabur-pelaburnya.

Semasa di penjara, dua anak Madoff meninggal dunia. Mark membunuh diri pada Disember 2010 dan Andrew meninggal dunia kerana penyakit barah pada September 2014.

### Legasi Charles Ponzi 2: Skim Pak Man Telo

Nama asal Pak Man Telo adalah Osman Hamzah. Beliau terkenal sebagai pelopor skim cepat kaya di Malaysia. Skim yang dijalankan menerusi syarikat Pestama Enterprise, dipercayai bermula sekitar 1970-an di Taiping, Perak.

Asalnya, Pak Man Telo hanyalah seorang penduduk biasa yang bekerja sebagai wartawan sambilan Bernama di Taiping. Tanpa latar pendidikan mengenai pengurusan wang, beliau memberanikan diri mengasaskan skim pelaburan yang kompleks serta bernilai jutaan ringgit.

Skim tersebut beroperasi secara haram, menerima wang deposit daripada orang ramai (pelabur) dengan menjanjikan pulangan dividen sekitar 10% setiap bulan. Era 80-an menyaksikan kemuncak populariti Skim Pak Man Telo. Pelabur skim terdiri daripada pegawai kanan kerajaan, pesara, ahli perniagaan sehinggalah penduduk kampung.

Skim Pak Man Telo menjadi 'legenda' dalam sejarah skim cepat kaya di Malaysia kerana ia disertai lebih 50,000 pelabur dengan nilai pelaburan mencecah RM99 juta.

Penghujung tahun 1989, penipuan Pak Man Telo dihidiu pihak berkuasa. Beliau ditangkap Bank Negara Malaysia (BNM) dan didakwa pada 11 Januari 1990, atas kesalahan menerima wang orang ramai tanpa lesen sah. Pak Man

Telo mengaku bersalah dan membayar denda RM250,000 secara tunai.

Namun, Skim Pak Man Telo diteruskan kerana sokongan padu pelabur-pelaburnya. Malah, selepas mahkamah menjatuhkan hukuman kepada Pak Man Telo, pelabur-pelaburnya menyambut Pak Man Telo dengan laungan "Hidup Pak Man!". Populariti Skim Pak Man Telo bertambah, semakin ramai pelabur baru dan dividen juga meningkat kepada 12%.

Bulan September 1990 menyaksikan Skim Pak Man Telo mula goyah. Kadar dividen berkurang kepada 5%. Ada pelabur yang langsung tidak lagi memperoleh bayaran dividen.



# Pak Man Telo

daripada 639 pelaburnya, menuntut balik jutaan wang mereka.

Pada 11 April 1991, polis menahan Pak Man Telo. Beliau kemudiannya dikenakan tindakan ‘buang daerah’ di Kampung Terong, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu.

Pada 17 Julai 1991, Pak Man Telo didakwa buat kali kedua. Beliau yang sudah berusia 65 tahun ketika itu mengaku bersalah. Pak Man Telo dijatuhi hukuman setahun penjara dan denda RM500,000, atau tambahan penjara setahun lagi jika beliau gagal membayar denda. Pak Man Telo gagal membayar denda dan beliau terpaksa menjalani hukuman penjara selama dua tahun.

Selepas Pak Man Telo dibebaskan dari Penjara Taiping pada 17 November 1992, polis membawa beliau kembali ke Kuala Berang, Terengganu.

Selepas itu, kisah Pak Man Telo mula tenggelam. Pak Man Telo terus menyepikan diri bersama isteri kedua dan seorang anak lelaki di Terengganu. Dia menyara hidup dengan membaiki radio dan televisyen. Pada usia 70 tahun, Pak Man Telo meninggal dunia akibat sakit tua pada 22 Disember 1997.

## **WASPADA SKIM MENIPU**

Skim Ponzi masih lagi wujud sehingga ke hari ini. Muncul dengan pelbagai nama dan bentuk. Ada yang menggunakan jongkong emas, barang rumah dan produk kesihatan sebagai samaran, hanya bertujuan menarik pelaburan. Kemudian, menjanjikan pulangan yang lumayan dalam tempoh tertentu.

Tidak semua skim adalah penipuan atau Skim Ponzi. Bagaimanapun, pelaburan yang mudah dan tanpa usaha, tetapi memberi pulangan yang amat lumayan, berlaku dalam kisah dongeng sahaja. Buat mereka yang ingin menceburi pelaburan, beberapa perkara perlu dipertimbangkan.

Pertama, berhati-hati dengan skim pelaburan yang mempunyai tawaran terlalu bagus. Tawaran yang disebut sebelum ini sebagai 'too good to be true'.

Kedua, sekiranya ingin melabur, cari institusi kewangan yang sah. Pulangan lebih terjamin, walaupun tidak setinggi gunung.

Ketiga, jangan terburu-buru untuk melabur. Siasat dan tanya pendapat orang yang mahir. Tidak sukar untuk mengetahui sama ada sesuatu skim pelaburan itu adalah menipu atau tidak.

Keempat, jangan membuat pelaburan sekiranya anda was-was dengan skim yang ditawarkan. Biar rasa rugi sekarang, jangan berputih mata apabila ‘nasi sudah menjadi bubur’.

Ingat, kekayaan tidak akan datang bergolek dengan mudah. Ia perlu dicari. Perlu usaha keras tanpa jemu. Selebihnya terserah kepada yang Maha Kuasa.





MEMPERSEMBAHKAN

TEATER  
**BAHARA EMAS**

karya & arahan  
Rosminah Tahir

19 - 22 OKTOBER 2017

AUDITORIUM DBP KUALA LUMPUR  
3.00 PETANG & 8.30 MALAM

FARAHDIYA AMIN . ESMA DANIEL . IZZUE ISLAM . JALALUDDIN HASSAN . EYZENDY AZIZ  
AMAR ASYRAF . MARDIANA ALWI . FORTEEN . NORZIZI ZULKIFLI . SERA KAMAL  
MUBARAK MAJID . RASDI DAUD . SYED ATIQ . AMRAN NASARUDIN

PENERBIT  
**CTRA**  
PRODUCTION



ISTANA BUDAYA

KERJASAMA  
**ASWARA**  
ENTERTAINMENT



**CTRA Production**  
03-6186 6592 / 017-200 4249

